

# Sanggup berkhidmat syarat utama calon BN

PM, Badan Perhubungan Umno Pahang kaji senarai nama

Oleh Kadir Dikoh  
dan Shamsul Azree Samshir

**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berka-ta, calon Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Talam pada 28 Januari ini, akan dipilih berdasarkan beberapa kriteria termasuk keupayaan berkhidmat kepada rakyat.

"Saya nak orang yang boleh berkhidmat kepada rakyat," kata Perdana Menteri dalam sidang akhbar selepas menyempurnakan majlis pecah tanah Institut Kanser Negara di Presint 7 di sini, semalam.

Abdullah yang juga Presiden Umno dan Pengerusi BN, berkata beliau akan mengadakan rundingan dengan Badan Perhubungan Umno Pahang setelah menerima senarai nama calon yang dicadangkan nanti.

Katanya, setelah senarai itu dite-

rima dan rundingan diadakan, nama calon BN itu akan ditentukan.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan Selasa, 16 Januari ini sebagai tarikh penamaan calon bagi pilihan raya kecil itu, manakala pengundian pada Ahad, 28 Januari bagi mengisi kekosongan berikutan kematian Datuk Tengku Paris Tengku Razlan pada 27 Disember lalu kerana barah paru-paru dan usus.

Baru-baru ini, Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob, dilaporkan berkata Umno Pahang menyenarai pendek tujuh nama termasuk golongan muda dan profesional sebagai calon BN untuk dipertimbangkan Abdullah.

Difahami, antara tujuh calon itu ialah Datuk Mustafa Kamal (Timbalan Ketua Bahagian Raub), Datuk Azinuddin Abdul Rahim (Naib Ketua Bahagian), Tengku Abdul Rahman Tengku Perang (Ketua Pemuda), Aziz Kiram (Setiausaha bahagian) dan Da-

**“**Rundingan dengan Badan Perhubungan Umno Pahang akan diadakan setelah menerima senarai nama calon yang dicadangkan nanti”

**Abdullah Ahmad  
Badawi**  
Perdana Menteri

tuk Abdullah Abu Bakar (Ahli Jawatankuasa bahagian dan Presiden Majlis Belia Felda Pahang).

Dua lagi nama ialah bekas Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Pahang, Datuk Johar Rusi dan Datuk Yidris Abdullah.

Sementara itu, Abdullah berkata beliau mahu penjelasan lanjut daripada Pengerusi SPR, Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman, mengenai kenyataannya bahawa badan itu perlu distruktur semula dan undang-undang serta peraturan pilihan raya yang sudah berusia 50 tahun, dirombak secara drastik.

"Biar beliau (Abdul Rashid) memberitahu saya apa yang beliau mahu," kata Abdullah yang enggan mengulas lanjut.

Kelmarin, Abdul Rashid berkata kajian semula itu bertujuan menjadikan SPR dan proses pilihan raya yang sering dikritik pelbagai pihak, menjadi lebih telus, adil dan saksama.